

Headline	Misi jayakan Smart Selangor		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 May 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	27	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	232 cm <sup>2</sup>
Journalist	AHMAD ISMADI ISMAIL	AdValue	RM 3,957
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,872



# Misi jayakan Smart Selangor

*MPAJ harap rakyat beri kerjasama*

AHMAD ISMADI ISMAIL

PANDAN INDAH

**M**ajlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) berharap melalui program yang dianjurkan oleh Smart Selangor, rakyat di Ampang Jaya bersedia memberi kerjasama dalam beberapa program yang akan dimaklumkan kelak oleh *Smart Selangor Delivery Unit*.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, antara sasaran utama dalam program itu adalah kedai runcit, gerai, kendera saji (food truck), medan selera, pasar tani dan pasar malam di ka-



ABD HAMID

wasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan itu.

“Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali telah memberi kenyataan pada Belanjawan Selangor 2018 memaklumkan agar negeri ini akan menjadi Smart State terulung di rantau Asean menjelang 2025,” katanya.

Abd Hamid berkata,

Mohamed Azmin juga mahu melihat negeri ini berjaya mempraktikkan Cashless Society menjelang 2022, juga membina infrastruktur dan masyarakat ‘cashless’.

“Cashless adalah penggunaan kad kredit, kad debit, cek, kiosk, e-wallet dan online banking. Melalui program Smart Selangor ini adalah besar harapan MPAJ agar masyarakat di kawasan ini juga dapat memberi kerjasama demi kesejahteraan mereka,” katanya.

